

12/04/2000

Musa beri amaran kepada guru, pelajar

PETALING JAYA, Selasa - Tindakan tegas akan diambil terhadap pelajar dan guru yang terbabit dalam perhimpunan yang dirancang oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Sabtu ini.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata perhimpunan haram seperti yang dirancang parti itu boleh bertukar menjadi ganas dan mengakibatkan kecederaan serta kerosakan harta benda.

"Saya nasihatkan semua pelajar dan guru supaya jangan terbabit dalam perhimpunan seperti itu kerana besar kemungkinan ia akan terlanjur menjadi ganas," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Formula Malaysia di Hotel Singgahsana, di sini hari ini.

Ahad lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau mempunyai maklumat mengenai rancangan penyokong Keadilan untuk melakukan keganasan pada Jumaat dan Sabtu ini.

Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor, berkata perhimpunan itu akan tetap diteruskan Jumaat ini di Masjid Negara sebagai memperingati ulang tahun pertama bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dipenjarakan.

Mengenai kemungkinan guru besar dan guru disiplin diberi kuasa polis tambahan dalam menangani masalah samseng di sekolah, beliau berkata Ketua Polis Negara (KPN) akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pendidikan bagi membincangkan bentuk pelaksanaannya.

"Saya diberitahu yang KPN akan bertemu dengan Ketua Pengarah minggu depan untuk membincangkan cara-cara bagaimana ia dapat dilaksanakan," katanya.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, guru besar akan diberikan kuasa tertentu untuk membanteras samseng atau kegiatan jenayah di kalangan pelajar kerana masalah itu perlu diberikan perhatian serius.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, menyerahkan senarai nama 10 institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang didapati gagal menyediakan kemudahan lengkap kepada Musa.

Sebelum ini, Musa memberi amaran menutup atau mengenakan kompaun kepada mana-mana IPTS terbabit selepas laporan muka depan Berita Harian Sabtu lalu, menyiarkan dakwaan MBM mengenai lebih 10 IPTS yang gagal menyediakan kemudahan walaupun mengenakan yuran yang tinggi kepada pelajar.

Saifuddin yang juga menyerahkan satu memorandum khas mengenai cadangan MBM dalam meningkatkan kualiti IPTS berkata, melalui penyiasatan MBM terhadap kes itu, MBM turut mendapati lebih 10 IPTS lain yang menggunakan rumah sebagai premis mereka.

"Kalau mereka (IPTS) guna rumah kedai sekalipun, tentu kebanyakannya tidak dapat sediakan kemudahan lengkap. Inikan pula rumah biasa," katanya.

(END)